

08/06/2000

Bicara kes liwat Anwar ditangguh pada Jumaat

KUALA LUMPUR, Rabu - Mahkamah Tinggi di sini hari ini menangguhkan perbicaraan sehingga Jumaat ini kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar.

Timbalan Kanan Pendaftar, Rozilah Salleh, yang mengumumkan penangguhan itu berkata, mahkamah membuat keputusan itu selepas perjumpaan diadakan antara Hakim Datuk Arifin Jaka dengan timbalan pendakwa raya dan peguambela.

Beliau berkata, penangguhan itu dibenarkan selepas saksi-saksi pembela tidak dapat diberitahu mengenai tarikh perbicaraan hari ini.

(Notis pemberitahuan dari mahkamah yang menetapkan perbicaraan hari ini diumumkan semalam kepada pihak terbabit).

"Selain itu, peguam juga ingin berjumpa dengan Presiden Mahkamah Rayuan (Tan Sri Lamin Yunus) bagi memohon penangguhan prosiding," katanya.

Peguam Karpal Singh dan S N Nair mengadakan perjumpaan dengan Lamin pagi ini memohon penangguhan perbicaraan kes liwat itu bagi membolehkan rayuan Anwar untuk memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela kes liwatnya didengar di Mahkamah Persekutuan.

Bagaimanapun, selepas mengadakan pertemuan dengan Lamin, Karpal memberitahu wartawan, Lamin tidak membenarkan penangguhan perbicaraan kes liwat itu dan memerintahkan ianya diteruskan.

Pada 5 Jun lalu, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Anwar berhubung perkara itu. Sehubungan itu, semalam, Nair yang mewakili Anwar memfailkan notis merayu di Mahkamah Persekutuan berhubung keputusan Mahkamah Rayuan itu.

Anwar, 53, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

(END)